



جامعة سلطان زين العابدين
UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

PELAN STRATEGIK FAKULTI PERUBATAN

2022 – 2026

PELAN STRATEGIK FAKULTI PERUBATAN 2022 – 2026

Ahli Jawatankuasa Induk Pelan Strategik dan Pengurusan Bakat Fakulti Perubatan	3
Pengenalan	5
Kata Aluan Dekan	7
Sejarah Ringkas Fakulti	8
Ringkasan Eksekutif	11
Visi dan Misi Fakulti Perubatan	14
Matlamat, Objektif dan Sasaran Keberhasilan	17
Pemantauan dan Penilaian	49
Penutup	49

AHLI JAWATANKUASA INDUK PELAN STRATEGIK DAN PENGURUSAN BAKAT
FAKULTI PERUBATAN

Prof. Dr. Harmy bin Mohamed Yusoff	Pengerusi
Prof. Madya Dr. Salwani binti Ismail	Timbalan Pengerusi
Dr. Nik Ahmad Shaiffudin bin Nik Him	Pengarah PPHU
Prof. Madya Dr. Azizul Fadzli bin Wan Jusoh @ Ab. Rahim	TD Akademik & Siswazah
Prof. Madya Dr. Aniza binti Abd. Aziz	TD Penyelidikan & Pembangunan
Dr. Hj. Khairi bin Che Mat	TD HEPA & Jaringan Komuniti
Prof. Madya Dr. Mohd Sayuti bin Razali	Ahli
Dr. Nor Iza binti A. Rahman	Ahli
Prof. Madya Dr. Nik Arif bin Nik Mohamed	Ahli
Dr. Zainab binti Haji Mohd Shafie	Ahli
Prof. Dr. Col (b) Wan Pauzi bin Wan Ibrahim	Ahli
Prof. Madya Dr. Mohd Nor bin Gohar Rahman	Ahli
Prof. Madya Dr. Mohd Ariff bin Sharifudin	Ahli
Dr. Wan Mohd Razin bin Wan Hassan	Ahli
Dr. Norhasiza binti Mat Jusoh	Ahli
Dr. Ras Azira binti Ramli	Ahli
Dr. Ahmad Fardi bin Sulaiman	Ahli
Dr. Haniif bin Ahmad Mazian	Ahli
Dr. Syed Ahmad Tajudin bin Tuan Johari	Ahli
Zulkifli bin Abu Bakar	Ahli

Prof. Dr. Yeo Chew Chieng	Jemputan
Prof. Madya Dr. Norwati Binti Daud	Jemputan
Dr. Syaratul Emma Binti Hashim	Jemputan
Dr. Salman Bin Amiruddin	Jemputan
Dr. Nur Azree Ferdaus Bin Kamudin	Jemputan

PENGENALAN

Pelan Strategik Fakulti Perubatan 2022 – 2026 dibangunkan bertujuan untuk menyediakan satu garis panduan hala tuju Fakulti Perubatan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi tempoh lima tahun. Kecemerlangan akademik, penyelidikan dan perkhidmatan klinikal merupakan tiga komponen utama yang ditekankan dalam pembangunan pelan strategik ini.

Pelan strategik ini telah dibangunkan dengan mengambil kira dapatan analisa SWOT (*strengths, weaknesses, opportunities and threats*) serta perbincangan di dalam beberapa siri bengkel yang dihadiri oleh Pengurusan Fakulti dan Ahli Jawatankuasa Induk Pelan Strategik dan Pengurusan Bakat Fakulti Perubatan. Ianya turut diselaraskan dengan Pelan Strategik UniSZA 2020-2022, Pelan Tindakan Akademik UniSZA 2021-2025 serta Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA).

Objektif utama Pelan Strategik Fakulti Perubatan 2022 – 2026 ini adalah untuk:

- Melahirkan profesional kesihatan yang berakhhlak serta berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Menjadikan Fakulti Perubatan UniSZA sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan perubatan dan sains kesihatan serantau dengan memperkasa penyelidikan berimpak tinggi.
- Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lestari dan berkualiti tinggi

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
FAKULTI PERUBATAN



UNIVERSITI
SULTAN ZAINAL ABIDIN



KATA ALUAN DEKAN



Profesor Dr Harmy
Mohamed Yusoff
Dekan,
Fakulti Perubatan
Universiti Sultan Zainal
Abidin

Assalamualaikum ubt dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi, dengan hidayahNya kita dapat menyiapkan Pelan Strategik Fakulti Perubatan 2022-2026. Pelan Strategik ini amat penting sebagai asas bagi menentukan hala tuju fakulti di dalam bidang akademik, penyelidikan dan perkhidmatan klinikal bagi tempoh 5 tahun. Penggubalan pelan strategik ini turut mengambil kira Pelan Strategik Universiti (2020-2022) dan Pelan Tindakan Akademik UniSZA (2021-2025). Terdapat 3 objektif strategi iaitu;

- Akademik: Bagi melahirkan profesional kesihatan yang berakhlik dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa dan ia disokong oleh 10 objektif operasi dan 40 aktiviti utama.
- Penyelidikan: Menjadi pusat kecemerlangan penyelidikan perubatan dan kesihatan serantau dan ia disokong oleh 6 objektif operasi 35 aktiviti penting.
- Perkhidmatan Klinikal: Menyedia perkhidmatan kesihatan yang lestari serta berkualiti tinggi dan ia disokong oleh 4 objektif operasi dan 9 aktiviti utama.

Dengan itu aktiviti yang lebih berfokus, terancang dan sistematik akan dirancang bagi menjayakan agenda ini. Dengan gabungan pensyarah, pakar klinikal, penyelidik, pelajar dan kakitangan serta kemudahan-kemudahan baru di Hospital Pengajar UniSZA kita percaya insyallah fakulti akan berjaya melonjakkan pencapaian di peringkat negara dan serantau. Akhir kata, ucapan penghargaan daripada saya kepada semua pihak yang terbabit dalam merangka dan menjayakan pelan strategik ini. Sekian, terima kasih.

SEJARAH RINGKAS FAKULTI

UniSZA telah mendapat kelulusan rasmi daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menubuhkan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) melalui suratnya bertarikh 8 Januari 2009.

FPSK bermula dengan penawaran tiga program diploma iaitu Diploma Radiografi, Diploma Teknologi Makmal Perubatan dan Diploma Sains Kejururawatan. FPSK berkembang kepada enam program di mana pada tahun 2009, dua program ijazah sarjana muda ditawarkan iaitu Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) serta Sarjana Muda Dietetik (Kepujian) dan satu program diploma iaitu Diploma Fisioterapi. Susulan daripada itu, satu Memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Darul Iman Malaysia (sekarang ini dikenali sebagai UniSZA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ditandatangani secara rasmi yang membenarkan pelajar MBBS menjalankan latihan klinikal di hospital dan klinik kesihatan di Terengganu.

Pada tahun 2014, kabinet telah meluluskan pembinaan Hospital Pengajar UniSZA (HPUniSZA) bertempat di Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu (sekarang dikenali sebagai Daerah Kuala Nerus), Terengganu berkapasiti 400 katil dengan pembangunan berfasa bermula dengan fasa 1 sebanyak 200 katil pada tahun 2016. Pembinaan HPUniSZA ini telah pun siap pada tahun 2022.

Pada tahun 2015 seiring dengan perkembangan fakulti, penstrukturkan semula FPSK telah dilaksanakan menjadikan FPSK kepada dua (2) fakulti iaitu Fakulti Perubatan (FP) dan Fakulti Sains Kesihatan (FSK) di mana FP bertempat di Kampus Perubatan manakala FSK di Kampus Gong Badak. Penstrukturkan semula ini membolehkan kedua-dua fakulti lebih berkembang dan berdaya saing.



Pada tahun 2020, FP telah menawarkan dua lagi program akademik baharu iaitu Sarjana Muda Sains Kejururawatan (Kepujian) dan Sarjana Muda Sains Perubatan dan Kesihatan dengan Kepujian dengan pengambilan pelajar kohort pertama bermula pada Sesi Akademik 2021/2022. Sehingga kini FP telah menawarkan empat program akademik prasiswazah iaitu tiga program di peringkat Sarjana Muda dan satu program di peringkat diploma. Program tersebut adalah:

1. Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan,
2. Sarjana Muda Sains Kejururawatan (Kepujian)
3. Sarjana Muda Sains Perubatan dan Kesihatan dengan Kepujian
4. Diploma Sains Kejururawatan

Selain daripada itu, FP turut menawarkan program di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah seperti:

1. Doktor Falsafah Sains (Kesihatan)
2. Doktor Falsafah Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran
3. Sarjana Sains (Kesihatan)
4. Sarjana Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Fakulti Perubatan 2022 – 2026 dibangunkan bertujuan untuk menyediakan satu panduan berkaitan hala tuju Fakulti Perubatan (FP), UniSZA. Pelan strategik ini merupakan perancangan FP bagi tempoh lima tahun dan akan menjadi rangka tindakan ke arah peningkatan dan pemantapan kecemerlangan FP secara menyeluruh. Fokus pelan strategik ini secara umumnya melibatkan penetapan visi dan misi baharu FP selaras dengan perkembangan fakulti, penetapan objektif strategik, objektif operasi, aktiviti/pelan tindakan, petunjuk prestasi utama (KPI)/sasaran keberhasilan bagi setiap komponen akademik, penyelidikan serta perkhidmatan klinikal.

Pelan Strategik Fakulti Perubatan 2022 – 2026 ini mempunyai tiga objektif strategik seperti di bawah:

1. Akademik - Melahirkan profesional kesihatan yang berakhhlak serta berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.
2. Penyelidikan - Menjadi pusat kecemerlangan penyelidikan perubatan dan sains kesihatan serantau dengan memperkasa penyelidikan berimpak tinggi.
3. Perkhidmatan Klinikal - Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lestari dan berkualiti tinggi

Bagi menyokong objektif strategik Pelan Strategik Fakulti Perubatan 2022 – 2026, beberapa objektif operasi telah digariskan seperti di bawah:

A. Akademik:

1. Pembentukan kurikulum yang holistik & bersepada.

2. Mengukuhkan sistem sokongan pembelajaran.
3. Kepakaran dalam kecemerlangan institusi.
4. Menarik, memupuk dan mengekalkan bakat terbaik.
5. Pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat sebagai gaya hidup.
6. Meningkatkan pengalaman pelajar antarabangsa.
7. Meningkatkan keterlihatan jenama.
8. Menerokai pasaran baharu.
9. Sokongan ekosistem pembelajaran dalam talian tahap global (GOL).
10. Kecemerlangan global menerusi GOL.

B. PENYELIDIKAN

1. Membangunkan kumpulan penyelidik yang kompeten, produktif dan bertaraf serantau.
2. Meningkatkan penyelidikan berimpak tinggi.
3. Memperkasa jalinan kerjasama dan kolaborasi penyelidikan antara jabatan, fakulti, universiti, industri, masyarakat dan institusi di dalam dan luar negara.
4. Menjalankan penyelidikan bersama Hospital Pengajar UniSZA.
5. Menaiktaraf sistem sokongan penyelidikan.
6. Memperkasa kualiti penyelidikan program pascasiswazah.

C. KLINIKAL

1. Perkhidmatan Jangkau luar (Outreach) Komuniti.
2. Perkhidmatan kepakaran klinikal.
3. Perkhidmatan rawatan harian.
4. Perkhidmatan klinikal patuh syariah.

Pencapaian sasaran pelan strategik ini akan dipantau dan dinilai dari semasa ke semasa bagi memastikan di akhir tempoh lima tahun tersebut fakulti dapat mencapai sepertimana yang telah dirancang dan digariskan.



VISI, MISI FAKULTI PERUBATAN

VISI

“Faculty of Medicine aspires to be a reputable institution in producing virtuous, high-quality health professionals and researchers and providing excellent health services for sustainable community”

Fakulti Perubatan berhasrat untuk menjadi sebuah institusi yang bereputasi dalam menghasilkan profesional kesihatan dan penyelidik yang berakhhlak mulia dan berkualiti tinggi serta menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik ke arah komuniti lestari.

MISI

Faculty of Medicine shall produce virtuous, proficient, globally competitive health professionals and researchers, producing high impact research and providing sustainable high-quality healthcare.

Fakulti Perubatan melahirkan profesional kesihatan dan penyelidik yang berakhhlak, kompeten dan berdaya saing di peringkat global, menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi dan menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dan lestari.

NILAI DAN KOMPETENSI KEPIMPINAN

Pembentukan akhlak mulia dalam kalangan warga fakulti adalah didasari melalui kepimpinan basaskan Qalb (hati). Kementerian Pengajian Tinggi mengiktiraf kepentingan untuk membina kepimpinan yang berpaut kepada dasar ketuhanan dan peningkatan nilai. Dengan nilai yang murni, bakat, dan kewibawaan sikap, pemimpin akan mampu menangani cabaran untuk mangurus dan memacu perkembangan IPT.

Model kepimpinan berdasarkan Qalb (Hati)

Qalb (Hati) adalah elemen utama yang menjamin amal yang bermoral tinggi, berintegriti, insaf diri, dan saling menghormati di kalangan pemimpin.

Kepimpinan berdasarkan Qalb merangkumi nilai Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyeru pembentukan manusia yang seimbang dan harmoni serta berpegang teguh kepada kepercayaan kepada tuhan dan khidmat kepada masyarakat. Ia turut memandu kepada ciri dan sikap yang benar yang terbit dari kesedaran kepada Tuhan sebagai nilai asas kemanusiaan. Memandangkan Qalb menjadi paksi kepada pemikiran, tindakan, sikap, perasaan dan emosi seseorang, kesedaran ini membawa kepada penyerahan hati yang sejahtera kepada Tuhan. Hasilnya, ia akan membawa hikmah, keadilan, keberanian dan kesederhanaan. Dipupuk dengan seimbang, nilai ini akan menjelaskan ciri kepimpinan yang berdasarkan Qalb pada diri seseorang pemimpin.

Ciri-ciri dan sikap kepimpinan berdasarkan Qalb (Hati)

Ciri-ciri kepimpinan berdasarkan Qalb merangkumi beberapa nilai yang menyeimbangkan pembentukan perwatakan mengikut acuan model kepimpinan Qalb.

Sikap kepimpinan berdasarkan Qalb pula mengandungi kompetensi dan kemahiran, yang lahir daripada ciri-ciri kepimpinan. Seseorang yang memimpin berdasarkan Qalb akan memamer kelakuan yang menunjukkan pembinaan kualiti yang holistik.

Model kepimpinan berdasarkan Qalb

Model kepimpinan berdasarkan Qalb memberi inspirasi kepada seseorang yang mengabdikan diri kepada Tuhan untuk mampamer personaliti yang menyeluruh dan seimbang.

Keinsafan kepada Tuhan


Berakar kepada ilmu dan pengalaman yang disemai melalui intuisi dan refleksi rohani. Keinsafan mengiktiraf kewujudan tuhan. Keinsafan ini menjelma sebagai peringatan di dalam hati, seterusnya merentasi sempadan yang membawa kepada pengakuan dan keredaan bahawa pemilikan yang mutlak hanya kepada Tuhan.

Keadilan

Membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempatnya yang benar. Secara zahirnya, ia merangkumi hubungan di antara seseorang dengan seseorang yang lain untuk memastikan hubungan yang adil dan saksama.

Keberanian

Keadaan yang harmoni melalui keseimbangan (yang sempurna) dengan mengurus selia (dan mendisiplin) emosi. Terutamanya emosi berkaitan amukan dan amarah, kesombongan, keinginan, dan dorongan untuk dominasi. Keadaan yang harmoni dan seimbang ini membolehkan hikmah dan keadilan dijalankan seperti yang diamanahkan.



Hati yang tunduk dan berserah

Hati yang murni, tenang, dan suci di dalam keadaan mengingati Tuhan. Hati ini terhindar dari keinginan duniawi yang menghalang ia dari menginsafi kewujudan Tuhan.

Hikmah

Kualiti dari ilmu dan refleksi yang mendalam sebelum diterjemahkan dengan jitu kepada perbuatan mengikut naluri asas kemanusiaan. Hikmah membezakan yang haq dari yang batil semasa membuat keputusan dan pilihan. Ia melambangkan keinsafan hati kepada Tuhan untuk mencapai keseimbangan (yang sempurna).

Kesederhanaan

Merujuk kepada kecenderungan semula jadi untuk melaksanakan apa yang "benar" – pada pengiraan yang benar, dengan jalan yang benar, ketika masa yang benar, pada sebab yang benar, dan di dalam situasi yang benar. Ia menggambarkan tahap disiplin yang dipandu oleh kepentingan fakulti berdasarkan kekuatan intelek seperti yang ditetapkan hukum dan undang-undang.

Pelan Strategik Fakulti Perubatan 2022-2026

VISI

Fakulti Perubatan berhasrat untuk menjadi sebuah institusi yang bereputasi dalam menghasilkan profesional kesihatan dan penyelidik yang berakhhlak mulia dan berkualiti tinggi serta menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik ke arah komuniti lestari.

MISI

Fakulti Perubatan akan melahirkan profesional kesihatan dan penyelidik yang berakhhlak, kompeten dan berdaya saing di peringkat global, menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi dan menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dan lestari.

Akademik

Melahirkan profesional kesihatan yang berakhhlak serta berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Penyelidikan

Menjadi pusat kecemerlangan penyelidikan perubatan dan sains kesihatan serantau dengan memperkasa penyelidikan berimpak tinggi.

Klinikal

Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lestari dan berkualiti tinggi.

1. Pembentukan kurikulum yang holistik & bersepadu.
2. Mengukuhkan sistem sokongan pembelajaran.
3. Kepakaran dalam kecemerlangan institusi.
4. Menarik, memupuk dan mengekalkan bakat terbaik.
5. Pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat sebagai gaya hidup.
6. Meningkatkan pengalaman pelajar antarabangsa.
7. Meningkatkan keterlihatan jenama.
8. Menerokai pasaran baharu.
9. Sokongan ekosistem pembelajaran dalam talian tahap global (GOL).
10. Kecemerlangan global menerusi GOL.

1. Membangunkan kumpulan penyelidik yang kompeten, produktif dan bertaraf serantau.
2. Meningkatkan penyelidikan berimpak tinggi.
3. Memperkasa jalinan kerjasama dan kolaborasi penyelidikan antara jabatan, fakulti, universiti, industri, masyarakat dan institusi di dalam dan luar negara.
4. Menjalankan penyelidikan bersama Hospital Pengajar UniSZA.
5. Menaiktaraf sistem sokongan penyelidikan.
6. Memperkasa kualiti penyelidikan program pascasiswazah.


1. Perkhidmatan Jangka luar (Outreach) Komuniti.
2. Perkhidmatan kepakaran klinikal.
3. Perkhidmatan rawatan harian.
4. Perkhidmatan klinikal patuh syariah.

AKADEMIK

OBJEKTIF STRATEGIK

Melahirkan profesional kesihatan yang berakhhlak serta berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa

OBJEKTIF OPERASI

- 
1. Pembentukan kurikulum yang holistik & bersepada
 2. Mengukuhkan sistem sokongan pembelajaran
 3. Kepakaran dalam kecemerlangan institusi
 4. Menarik, memupuk dan mengekalkan bakat terbaik
 5. Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat sebagai gaya hidup
 6. Meningkatkan pengalaman pelajar antarabangsa
 7. Meningkatkan keterlihatan jenama
 8. Menerokai pasaran baru
 9. Sokongan ekosistem pembelajaran dalam talian tahap global (GOL)
 10. Kecemerlangan global menerusi GOL

MATLAMAT, OBJEKTIF DAN KPI/SASARAN KEBERHASILAN

Secara keseluruhannya, pencapaian Pelan Strategik Fakulti Perubatan 2022 - 2026 ini akan dinilai dan diukur melalui:

A. Akademik

Objektif Strategik: Melahirkan Profesional Kesihatan Yang Berakhhlak Serta Berdaya Saing Di Peringkat Nasional Dan Antarabangsa.

Objektif Operasi 01: Pembentukan Kurikulum Yang Holistik & Bersepadu

AKTIVITI	KPI
1. Melaksanakan penyampaian PdP yang bersifat transformatif dalam kurikulum (student- centered Learning & Patient-centered care)	Peratusan kursus dalam setiap kurikulum Sarjana Muda yang menerapkan penyampaian transformatif PdP 2022:20% 2023:25% 2024:30% 2025:40% 2026:50%
2. Meningkatkan penglibatan pihak industri dalam program akademik. (KMNI, IJN)	Bilangan industri yang terlibat dalam program akademik 2022:2 2023:4 2024:6 2025:7 2026:8

3.	Melaksanakan elemen HIEPs dalam kurikulum (semua program Sarjana Muda iaitu 5 HIEPS elemen+ Sulam)	Peratusan kursus dalam setiap program akademik Sarjana Muda yang menerapkan elemen HIEPs 2022:30% 2023:50% 2024:70% 2025:80% 2026:80%
4.	Mewujudkan ruang pembelajaran masa hadapan	Bilangan ruang pembelajaran yang dilengkapi dengan elemen teknologi revolusi industri 4.0 (IR 4.0) 2022:1 2023:1 2024:- 2025:- 2026:-
5.	Menerapkan elemen pembelajaran berdasarkan pengalaman mendalam (<i>immersive learning</i>) dalam kurikulum	Bilangan program yang mempunyai elemen pembelajaran berdasarkan pengalaman mendalam (immersive) 2022:1 2023:3 2024:3 2025:3 2026:4
6.	Menerapkan elemen <i>Service Learning for Malaysia - University for Community</i> (SULAM) dalam kurikulum	Bilangan program akademik Sarjana Muda yang menerapkan elemen SULAM 2022:0 2023:0 2024:2 2025:3 2026:3

7.	Menawarkan kursus keusahawanan baharu dalam kurikulum	Bilangan kursus keusahawanan dalam kurikulum 2022:1 2023:2 2024:3 2025:3 2026:3
8.	Menerapkan elemen Flexible Education with Soul (FlexS) dalam kursus teras fakulti atau program	Bilangan kursus yang menerapkan elemen FlexS dalam setiap program akademik 2022:2 2023:3 2024:4 2025:4 2026:5
9.	Meningkatkan bilangan kursus pembelajaran teradun gantian (PTG) dalam kurikulum	Peratusan kursus dalam program akademik yang menjalankan PTG 2022:10% 2023:15% 2024:20% 2025:20% 2026:20%
10.	Melaksanakan pentaksiran alternatif dalam kurikulum	Bilangan kursus dalam setiap kurikulum Sarjana Muda yang melaksanakan pentaksiran alternatif 2022:45% 2023:50% 2024:55% 2025:60% 2026:70%

Objektif Operasi 02: Mengukuhkan Sistem Sokongan Pembelajaran

AKTIVITI	KPI
1. Menganjurkan program kesediaan berkerjaya untuk pelajar	Bilangan program kesediaan berkerjaya untuk pelajar 2022:2 2023:2 2024:3 2025:3 2026:3
2. Menambah bilangan syarikat pemula atau perniagaan pelajar	Bilangan syarikat pemula atau perniagaan 2022:1 2023:2 2024:3 2025:3 2026:3
3. Menawarkan aktiviti pemantapan bahasa (Bahasa Inggeris)	Program atau aktiviti pemantapan bahasa (Bahasa Inggeris) 2022:2 2023:3 2024:3 2025:3 2026:3
4. Melaksanakan Program Mercu Fakulti	Bilangan Program Mercu Fakulti 2022:1 2023:2 2024:2 2025:2 2026:2

5.	Meningkatkan bilangan pelajar dalam mobiliti berkredit/ tidak berkredit ke luar negara	Bilangan pelajar di dalam mobiliti berkredit ke luar negara (Elektif) 2022:10 2023:12 2024:15 2025:25 2026:30
6.	Meningkatkan peranan pensyarah sebagai murobbi unggul	Bilangan pensyarah yang terlatih 2022:15 2023:20 2024:25 2025:30 2026:35
7.	Membangunkan hab dan prasarana keusahawanan	Bilangan hab dan prasarana keusahawanan 2022:1 2023:1 2024:0 2025:0 2026:0
8.	Meningkatkan penglibatan mentor keusahawanan dalam program atau aktiviti keusahawanan	Bilangan mentor keusahawanan 2022:2 2023:4 2024:5 2025:6 2026:7
9.	Memberi ganjaran dan insentif kepada staf untuk kecemerlangan dalam pembelajaran berasaskan perkhidmatan atau keusahawanan	Bilangan ganjaran dan insentif kepada staf cemerlang 2022:1 2023:2 2024:2

		2025:2 2026:3
--	--	------------------

Objektif Operasi 03: Kepakaran Dalam Kecemerlangan Institusi

AKTIVITI	KPI
1. Meningkatkan bilangan pelajar pascasiswazah	Bilangan pelajar pascasiswazah yang berdaftar (BUKAN KUMULATIF) 2022:20 2023:25 2024:30 2025:35 2026:40
2. Menawarkan program Sarjana Perubatan Kepakaran (MMed) / Program Akademik Baharu	Bilangan program MMed / program sarjana course mod 2022:0 2023:0 2024:1 2025:2 2026:4
3. Meningkatkan inovasi pengajaran dan pembelajaran	Bilangan inovasi PdP mengikut pensyarah (BUKAN KUMULATIF) 2022:3 2023:5 2024:10 2025:15 2026:20

4.	Meningkatkan keanggotaan dalam persatuan/ badan profesional/ institusi antarabangsa	Bilangan ahli akademik yang menganggotai persatuan/badan profesional/institusi antarabangsa (KUMULATIF) 2022:17% 2023:19% 2024:21% 2025:23% 2026:-
5.	Menyertai Anugerah Pengajaran peringkat Kebangsaan.	Bilangan penyertaan pensyarah dalam Anugerah Pengajaran peringkat Kebangsaan (KUMULATIF) 2022:2 2023:2 2024:2 2025:2 2026:2
6.	Menyertai Anugerah Akademik Negara (AAN)	Bilangan penyertaan pensyarah dalam AAN (KUMULATIF) 2022:2 2023:2 2024:2 2025:2 2026:2
7.	Melaksanakan Anugerah Akademik Universiti Pengajaran (AAU)	Bilangan penyertaan pensyarah dalam AAU (BUKAN KUMULATIF) 2022:2 2023:2 2024:2 2025:2 2026:2

Objektif Operasi 04: Menarik, Memupuk Dan Mengelakkan Bakat Terbaik

AKTIVITI	KPI
1. Melantik bakat daripada sumber baharu yang memenuhi standard serantau atau global	Bilangan staf akademik yang dilantik (BUKAN KUMULATIF) 2022:2 2023:2 2024:2 2025:2 2026:2
2. Meningkatkan jaringan akademik antarabangsa dan tempatan	Bilangan MoA (bukan kumulatif) 2022:2 2023:3 2024:3 2025:3 2026:3

Objektif Operasi 05: Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Sebagai Gaya Hidup

AKTIVITI	KPI
1. Menawarkan kursus <i>Massive Open Online Courses (MOOC)</i>	Bilangan kursus (bukan kumulatif) 2022:4 2023:6 2024:8 2025:10 2026:15
2. Melaksanakan program PSH tidak formal	Bilangan program 2022:2

		2023:2 2024:2 2025:2 2026:3
3.	Menawarkan kursus PSH Microcredentials	Bilangan kursus 2022:- 2023:2 2024:2 2025:- 2026:-
4.	Menawarkan program PSH bukan formal	Bilangan program 2022:22 2023:33 2024:44 2025:55 2026:55

Objektif Operasi 06: Meningkatkan Pengalaman Pelajar Antarabangsa

AKTIVITI	KPI
1. Melantik graduan siswazah antarabangsa yang cemerlang sebagai calon pasca kedoktoran/ pensyarah kontrak.	Bilangan graduan antarabangsa 2022:2 2023:3 2024:4 2025:5 2026:5

Objektif Operasi 07: Meningkatkan Keterlihatan Jenama

AKTIVITI	KPI
1. Mengadakan hubungan dua hala antara universiti luar negara melalui MoU/MoA	Bilangan MOU/MOA 2022:4 2023:4 2024:4 2025:4 2026:4
2. Menganjurkan persidangan antarabangsa secara kolaborasi dengan universiti luar.	Bilangan penganjuran persidangan/seminar antarabangsa (KUMULATIF) 2022:1 2023:2 2024:2 2025:3 2026:3

Objektif Operasi 08: Menerokai Pasaran Baharu

AKTIVITI	KPI
1. Menawarkan program berdasarkan tujuan/kerjasama sebagai contoh program EduTourism	Bilangan program tujuan/kerjasama 2022:1 2023:1 2024:1 2025:0 2026:1

2.	Meningkatkan pelantikan pakar akademik antarabangsa termasuk profesor pelawat	Bilangan lantikan pakar akademik FP di peringkat antarabangsa sebagai pensyarah pelawat / Profesor pelawat. 2022:1 2023:0 2024:0 2025:1 2026: 0
----	---	--

Objektif Operasi 09: Sokongan Ekosistem Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (GOL)

AKTIVITI	KPI
1. Meningkatkan bilangan staf akademik menjadi inovator e-Pembelajaran di setiap fakulti	Bilangan staf akademik yang menyertai karnival inovasi e-Pembelajaran 2022:10% 2023:15% 2024:20% 2025:20% 2026:25%
2. Meningkatkan bilangan pelajar menjadi inovator e-Pembelajaran di setiap fakulti	Bilangan kursus dan pelajar yang telah melaksanakan pembangunan e-kandungan sebagai pentaksiran. 2022:10% 2023:15% 2024:20% 2025:25% 2026:30%

Objektif Operasi 10: Kecemerlangan Global Menerusi GOL

AKTIVITI	KPI
1. Melaksanakan penyampaian kursus secara MOOC melalui pelantar e-Pembelajaran bertaraf antarabangsa (contoh: Coursera, Edx, OpenLearning)	Bilangan kursus MOOC yang ditawarkan dalam pelantar e-Pembelajaran bertaraf antarabangsa 2022:0 2023:1 2024:0 2025:0 2026:1


PENYELIDIKAN

OBJEKTIF STRATEGIK

Menjadi pusat kecemerlangan penyelidikan perubatan dan sains kesihatan serantau dengan memperkasa penyelidikan berimpak tinggi

OBJEKTIF OPERASI

- 1 Membangunkan kumpulan penyelidik yang kompeten, produktif dan bertaraf serantau
- 2 Meningkatkan penyelidikan berimpak tinggi
- 3 Memperkasa jalinan kerjasama dan kolaborasi penyelidikan antara jabatan, fakulti, universiti, industri, masyarakat dan institusi di dalam dan luar negara
- 4 Menjalankan penyelidikan bersama Hospital Pengajar UniSZA
- 5 Menaiktaraf sistem sokongan penyelidikan
- 6 Memperkasa kualiti penyelidikan program pascasiswazah



B. Penyelidikan

Objektif Strategik: Menjadi pusat kecemerlangan penyelidikan perubatan dan sains kesihatan serantau dengan memperkasa penyelidikan berimpak tinggi.

Objektif Operasi 01: Membangunkan Kumpulan Penyelidik Yang Kompeten, Produktif Dan Bertaraf Serantau

AKTIVITI	KPI
1. Membangunkan kumpulan penyelidik berfokus dengan ekosistem penyelidikan (niche area)	Bilangan kumpulan penyelidikan (RG) 2022:1 2023:1 2024:1 2025:1 2026:1
2. Meningkat pendaftaran profil penyelidikan seperti Orcid, Publons dan Scopus	Peratus ahli akademik berdaftar dengan Scopus dan salah satu daripada Orcid, Publons dan Scopus 2022:80% 2023:100% 2024:100% 2025:100% 2026:100%
3. Meningkatkan penerbitan bersama universiti dalam negara (QS ranking Asia 300) [Co-authour with local university partner]	Bilangan penerbitan bersama 2022:15 2023:25 2024:35 2025:45 2026:55

4.	Meningkatkan penerbitan bersama universiti atau institusi antarabangsa (QS ranking Asia 300/QS ranking World 500) [Co-authour with overseas university/institute]	Bilangan penerbitan bersama 2022:10 2023:15 2024:30 2025:40 2026:50
5.	Meningkatkan bilangan penyelidik yang mempunyai H-indeks >=5 [Researchers with H-indexs >=5]	Peratusan pensyarah (H-indeks di scopus / google scholars) 2022:10% 2023:15% 2024:20% 2025:25% 2026:30%
6.	Meningkatkan pelantikan ahli penyelidik pada peringkat antarabangsa sebagai Pengerusi/Ahli Jawatankuasa dalam Organisasi/Badan Profesional [Appointment of resercher as Chairman/ Committee Members in International Organisation/ Professional Bodies]	Bilangan pensyarah 2022:2 2023:4 2024:6 2025:10 2026:15
7.	Meningkatkan pelantikan ahli penyelidik pada peringkat nasional sebagai Pengerusi/Ahli Jawatankuasa dalam Organisasi/Badan Profesional [Appointment of resercher as Chairman/ Committee Members in National Organisation/ Professional Bodies]	Bilangan pensyarah 2022:10 2023:20 2024:25 2025:35 2026:45

8.	Menghantar pensyarah untuk program sangkutan dengan institut/industri penyelidikan di dalam atau luar negara [Research Attachment for Lecturers at Research Institution/Industry]	Bilangan pensyarah 2022:3 2023:6 2024:10 2025:15 2026:15
9.	Meningkatkan pembentangan penyelidikan di konferens antarabangsa (berindeks/tidak berindeks) [Paper Presentation at International Conference - Indexed/Non-indexed]	Bilangan pensyarah 2022:15 2023:25 2024:35 2025:45 2026:60

Objektif Operasi 02: Meningkatkan Penyelidikan Berimpak Tinggi

AKTIVITI	KPI
1. Meningkatkan peratus pensyarah yang memegang geran aktif [Active Research Grant]	Peratus kenaikan bilangan pensyarah yang memegang geran 2022:40% 2023:50% 2024:60% 2025:70% 2026:80%
2. Meningkatkan jumlah perolehan dana penyelidikan dari geran universiti [Total Acquisition of University Grant]	Peratus kenaikan jumlah dana geran penyelidikan baharu daripada university 2022:20% 2023:30% 2024:40%

		2025:50% 2026:60%
3.	Meningkatkan bilangan perolehan dana penyelidikan dari geran nasional. [Total Number of National Grant received]	Bilangan dana geran penyelidikan aktif daripada agensi kerajaan/badan kerajaan 2022:20% 2023:30% 2024:40% 2025:50% 2026:60%
4.	Meningkatkan bilangan perolehan dana penyelidikan dari geran industri. [Total Number of Industrial Grant]	Bilangan dana geran penyelidikan baharu daripada industry 2022:10% 2023:20% 2024:30% 2025:40% 2026:50%
5.	Meningkatkan bilangan perolehan geran antarabangsa (penyelidik utama atau penyelidik bersama) [Total Number of International Grant - principle invistigator or co-researcher]	Bilangan geran penyelidikan aktif daripada institusi/NGO/organisasi antarabangsa 2022:1 2023:2 2024:4 2025:7 2026:10
6.	Meningkatkan penerbitan jurnal berimpak atau artikel berindeks (Q1,Q2, WoS, SCOPUS) [Publication of articles in high impact/WOS/SCOPUS journals]	Bilangan penerbitan 2022:200 2023:250 2024:300 2025:350 2026:400
7.	Menerbitkan buku penyelidikan berindeks dalam SCOPUS/WoS	Bilangan penerbitan

	[Publication of Research Book Indexed in SCOPUS/WOS]	2022:5 2023:7 2024:10 2025:15 2026:20
8.	Menerbitkan bab dalam buku penyelidikan berindeks (SCOPUS/WOS) [Publication of Chapters in Research Books Indexed in SCOPUS/WOS]	Bilangan penerbitan 2022:2 2023:2 2024:3 2025:6 2026:8
9.	Meningkatkan penerbitan artikel prosiding berindeks SCOPUS/WoS [Publications of indexed proceedings in SCOPUS/WoS]	Bilangan penerbitan 2022:20 2023:25 2024:30 2025:35 2026:50
10.	Meningkatkan bilangan produk penyelidikan yang berjaya didaftarkan sebagai harta intelek (copyright/patent) [New Research related Intellectual Property Rights Filed]	Bilangan produk penyelidikan yang didaftarkan sebagai harta intelek 2022:2 2023:3 2024:4 2025:5 2026:6
11.	Meningkatkan bilangan harta intelek penyelidikan yang berjaya dilesenkan/ dikomersialkan (license/commercialisation) [New Research related Intellectual Property Rights Filed/Granted]	Bilangan harta intelek berdaftar yang berjaya dilesenkan 2022:0 2023:0 2024:1 2025:0 2026:1

Objektif Operasi 03: Memperkasa Jalinan Kerjasama Dan Kolaborasi Penyelidikan Antara Jabatan, Fakulti, Universiti, Industri, Masyarakat Dan Institusi Di Dalam Dan Luar Negara

AKTIVITI	KPI
1. Meningkatkan aktiviti penyelidikan berdasarkan MOA antarabangsa yang termeterai [Empowerment of Active International Research MOA]	Bilangan projek penyelidikan aktif bersama rakan MOA 2022:2 2023:3 2024:4 2025:5 2026:6
2. Meningkatkan aktiviti jalinan kerjasama dan kolaborasi penyelidikan antara fakulti [Inter-Faculty Research Collaboration]	Bilangan aktiviti penyelidikan yang dijalankan bersama sekurang-kurangnya satu fakulti lain 2022:5 2023:10 2024:15 2025:20 2026:25
3. Meningkatkan aktiviti jalinan kerjasama dan kolaborasi penyelidikan dengan industri atau institusi [Industrial Based Research Collaboration]	Bilangan aktiviti penyelidikan yang dijalankan bersama dengan industry 2022:2 2023:4 2024:6 2025:6 2026:8
4. Meningkatkan aktiviti jalinan kerjasama dan kolaborasi penyelidikan dengan masyarakat [Community Based Research Collaboration]	Bilangan aktiviti penyelidikan yang dijalankan bersama komuniti 2022:3 2023:4 2024:5

		2025:7 2026:10
5.	Meningkatkan aktiviti jalinan kerjasama dan kolaborasi penyelidikan dengan Institusi/Universiti di peringkat nasional atau antarabangsa [National/International Institutional/University Research collaboration]	Bilangan aktiviti penyelidikan yang dijalankan bersama institusi nasional/antarabangsa 2022:2 2023:4 2024:6 2025:8 2026:10

Objektif Operasi 04: Menjalankan Penyelidikan Bersama Hospital Pengajar UniSZA

AKTIVITI	KPI
1. Menjalankan penyelidikan klinikal bersama berdasarkan konsep 'Clinical Translational Research' Definisi Clinical Translational Research ialah kajian asas sains perubatan kepada amalan klinikal [Clinical Translational Research based on the pre-clinical studies to clinical practice]	Bilangan aktiviti penyelidikan bersama 2022:1 2023:2 2024:3 2025:4 2026:5
2. Membangunkan penyelidikan klinikal bersama berdasarkan konsep 'Clinical-Community Translational Research' Definisi Clinical-Community Translational Research ialah pemindahan amalan perubatan terbaik kepada komuniti	Bilangan aktiviti penyelidikan bersama 2022:1 2023:2 2024:3 2025:4 2026:5

	[Clinical-Community Translational research based on best medical practices to community]	
3.	Menjalankan penyelidikan klinikal melalui Unit Penyelidikan Klinikal (UPK) Hospital Pengajar UniSZA [Establishment of CRU]	Bilangan projek klinikal yang diluluskan oleh UPK 2022:2 2023:5 2024:7 2025:10 2026:15

Objektif Operasi 05: Menaiktaraf Sistem Sokongan Penyelidikan

AKTIVITI	KPI
1. Memperkasa prasarana penyelidikan melalui penaiktarafan makmal penyelidikan CERIDB dan kelengkapan peralatan penyelidikan [CeRIDB Research Lab]	Aktiviti untuk mendapatkan pengiktirafan ISO17025 2022: Membentuk organisasi jabatan mengikut standard akreditasi (termasuk penubuhan ISO committee) 2023: Menyediakan dokumen kualiti dan buku panduan makmal. 2024: Menyediakan dokumen kualiti dan buku panduan makmal. 2025: Membuat permohonan pengiktirafan ISO 17025 2026: Menerima pengiktirafan MS ISO 17025
2. Membangunkan/Melantik tenaga pakar untuk penyelidikan (contoh: virologist, bioinformatician)	Bilangan tenaga pakar yang dilantik/dilatih. i. Pelantikan Profesor pelawat. ii. Penghantaran sangkutan Post Doktoral / Subkepakaran / Sangkutan Klinikal/Industri. 2022:2

	[Optimization of Experts in Field of Interest]	2023:3 2024:3 2025:4 2026:5
3.	Menawarkan perkhidmatan sewaan fasiliti dan peralatan penyelidikan kepada pihak luar [Rental Services of Research Facilities and Equipments] /Financial Support	Bilangan servis peralatan yang ditawarkan 2022:0 2023:2 2024:3 2025:5 2026:6
4.	Menyediakan data simpanan berdasarkan awan untuk penyelidikan yang melibatkan data yang besar [Cloud Storage for Research Data Management]	Kapasiti simpanan berdasarkan awan yang dibangunkan (Gb) 2022:50 2023:100 2024:300 2025:500 2026:1000

Objektif Operasi 06: Memperkasa Kualiti Penyelidikan Program Pascasiswazah

	AKTIVITI	KPI
1.	Penyeliaan bersama dengan penyelia daripada institusi penyelidikan tersohor (universiti teratas QS Asia 300 & QS World 500) [Co-supervision from Renowned Research Institution]	Bilangan penyeliaan bersama 2022:5 2023:8 2024:10 2025:15 2026:20


2.	<p>Meningkatkan penempatan pelajar pascasiswazah di institut penyelidikan (nasional/antarabangsa)</p> <p>[Research Attachment for PG students at Research based Institution-national/international]</p>	<p>Bilangan kenaikan bilangan pelajar pascasiswazah yang menjalani penempatan</p> <p>2022:3 2023:5 2024:8 2025:10 2026:15</p>
3.	<p>Meningkatkan pembentangan penyelidikan oleh pelajar pascasiswazah di konferens kebangsaan / antarabangsa</p> <p>[Research Presentation by PG Student at National / International Conference]</p>	<p>Peratus setiap pelajar pascasiswazah membuat pembentangan sebelum bergraduat.</p> <p>2022:70% 2023:80% 2024:85% 2025:90% 2026:95%</p>

PERKHIDMATAN KLINIKAL

OBJEKTIF STRATEGIK

Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lestari dan berkualiti tinggi

OBJEKTIF OPERASI



Perkhidmatan
Jangkau luar
(Outreach)
Komuniti

Perkhidmatan
kepakaran
klinikal

Perkhidmatan
rawatan harian

Perkhidmatan
klinikal patuh
syariah

C. Perkhidmatan Klinikal

Objektif Strategik: Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lestari dan berkualiti tinggi

Objektif Operasi 01: Perkhidmatan 'Outreach' Komuniti

AKTIVITI	KPI
1. Mengadakan perkhidmatan klinik pesakit luar bergerak bagi mengesan masalah perubatan yang spesifik.	Bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan 2022:800 2023:1200 2024:1500 2025:2000 2026:2500
2. Meningkatkan saringan kanser dalam masyarakat (Payudara, kolorektal dan prostat)	Peratusan populasi sasaran yang berisiko menjalani saringan dalam satu-satu lokaliti 2022:2% 2023:3% 2024:4% 2025:6% 2026:8%

Objektif Operasi 02: Perkhidmatan Kepakaran Klinikal

A. Perkhidmatan kepakaran dan sub-kepakaran perubatan

AKTIVITI		KPI
1.	Menyediakan perkhidmatan sub-kepakaran	Perkhidmatan sub-kepakaran yang memuaskan hati pelanggan dengan bilangan staf yang mencukupi
	a. Menyediakan Perkhidmatan Kardiologi/ Kardiotorasik.	Menyediakan perkhidmatan kardiologi – Paeds and Adult Cardiology, Anes Cardiology, Cardiotherasic Surgery 2022: Paeds and Adult Cardiology 2023: Anes Cardiology 2024: Cardiotherasic Surgery 2025:- 2026:-
	b. Menyediakan perkhidmatan subkepakaran surgeri.	Menyediakan perkhidmatan Urologi, Neuro Surgery dan Kolorektal. 2022: Urologi 2023: Neuro Surgery 2024: Kolorektal 2025:- 2026:-
	c. Menyediakan perkhidmatan subkepakaran medikal.	Menyediakan perkhidmatan Nefrologi. 2022:- 2023: Nefrologi 2024:- 2025:- 2026:-
	d. Menyediakan perkhidmatan subkepakaran ORL.	Menyediakan perkhidmatan Head and Neck. 2022:- 2023: Head and Neck

		2024:- 2025:- 2026:-
	e. Menyediakan perkhidmatan subkepakaran ortopedik.	Menyediakan perkhidmatan Onkologi. 2022:- 2023:- 2024: Onkologi 2025:- 2026:-

B. Perkhidmatan Diagnostik Perubatan

i. Perkhidmatan Pengimejan Perubatan

AKTIVITI		KPI
1.	Menyediakan perkhidmatan saringan mammogram bergerak dalam komuniti	<p>a. Bilangan kes saringan. 2022: - 2023:1000 2024:3000 2025:4000 2026:5000</p> <p>b. Peningkatan peratusan pengesanan tahap awal kanser payu dara (stage 1 & 2) 2022:- 2023:30% 2024:33% 2025:35% 2026:37%</p>
2.	Menyediakan subkepakaran perkhidmatan radiologi	Aktiviti perancangan untuk memulakan perkhidmatan IR. 2022:- 2023:- 2024:- 2025:- 2026: Intervensi Radiologi

ii. Perkhidmatan Makmal Perubatan

AKTIVITI	KPI
Mendapatkan pengiktirafan MS ISO 15189 untuk makmal Mikrobiologi dan Hematologi.	Aktiviti yang dijalankan kearah mendapatkan pengiktirafan MS ISO 15189 2022:- 2023:- 2024:- 2025: Hematologi 2026: Mikrobiologi

Objektif Operasi 03: Perkhidmatan Rawatan Harian

AKTIVITI	KPI
1. Menyediakan perkhidmatan pembedahan atau prosedur secara rawatan harian.	Peratusan pesakit yang bersetuju menjalani prosedur secara rawatan harian berbanding bilangan pesakit yang memenuhi kriteria. 2022:- 2023:50% 2024:60% 2025:70% 2026:80%

Objektif Operasi 04: Perkhidmatan Klinikal Patuh Syariah

AKTIVITI	KPI
1. Mendapat pengiktirafan Hospital Patuh Syariah MS1900.	Pelaksanaan semua proses ke arah pengiktirafan Hospital Patuh Syariah MS1900 2022: Membangunkan garis panduan. 2023: Mengadakan latihan berterusan kepada staf dan pelaksanaan program kepada pesakit. 2024: Mendapat Pengiktirafan sebagai Hospital Mesra Ibadah. 2025: Mengadakan audit kepatuhan di Semua jabatan @ Unit. 2026: Mendapat Pengiktirafan Hospital Patuh Syariah MS1900
2. Mewujudkan pusat rujukan hospital patuh syariah dan fekah perubatan.	Mewujudkan garis panduan hospital patuh syariah dan fekah perubatan 2022: Garis panduan pengurusan hospital patuh syariah. 2023: Garis panduan tatacara kerja dan profesionalisme staf hospital patuh syariah. 2024: Garis panduan pengurusan pesakit hospital patuh syariah. 2025: Garis panduan prosedur klinikal dan ubat-ubatan. 2026: Pusat rujukan hospital patuh syariah dan fekah perubatan peringkat nasional.

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pemantauan pencapaian Pelan Strategik Fakulti Perubatan 2022-2026 ini akan diselaraskan di bawah portfolio Dekan, Timbalan Dekan (Akademik dan Siswazah) dan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan). Pelaporan dan analisa pencapaian akan dibuat pada setiap suku tahun atau tertakluk kepada keperluan. Selain itu, laporan secara berkala akan dibentangkan dalam mesyuarat mengikut jawatankuasa yang sedia ada seperti Jawatankuasa Akademik dan Kurikulum, Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi, Jawatankuasa Siswazah dan Mesyuarat Pengurusan Fakulti Perubatan.

PENUTUP

Bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Fakulti Perubatan 2022-2026, semua staf akademik, staf bukan akademik dan para pelajar perlu mendukung dan bersama-sama merealisasikan perancangan dan sasaran yang ditetapkan.